

MB kemukakan syor atasi isu Datuk Kelana

21.1.87

Oleh BUSTAMAM AHMAD:
Seremban, Selasa

MENTERI Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad dijangka mengemukakan beberapa syor dalam usaha menyelesaikan isu perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) Ke-10 dalam mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan pertengahan bulan depan.

Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang Negeri, Haji Abdul Hamid Lassim ketika dihubungi mengesahkan bahawa Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan selaku Pengerusi Dewan menetapkan 10 Februari sebagai tarikh mesyuarat dewan itu di Istana Besar Seri Menanti.

Satu sumber tertinggi adat berkata hari ini syor itu terkandung dalam satu laporan terperinci yang dibentangkan oleh Menteri Besar berdasarkan kepada perbincangannya dengan tiga Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong, baru-baru ini.

Tiga Datuk Lembaga berkenaan ialah Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin, Datuk Seri Maharaja Diraja Azman Jamlus dan Datuk Dagang Paroi Mohd Nor Abdullah.

Atas arahan

Menurut sumber itu, Menteri Besar mengadakan perbincangan dengan tiga Datuk Lembaga berkenaan di pejabatnya atas arahan dari Dewan Keadilan dan Undang Negeri.

Laporan itu menyentuh pelbagai aspek berhubung urusan perlantikan Datuk Kelana Ke-10 selain beberapa syor Kerajaan Negeri Sembilan ke arah memecahkan kebuntuan yang berlarutan lebih tiga tahun itu.

Segala-galanya kini bergantung kepada Menteri Besar yang tidak syak lagi memikul tanggungjawab yang besar dalam usaha mencari penyelesaian terhadap krisis ini, ujarnya kepada Berita Harian di sini hari ini.

Krisis perlantikan Datuk Kelana Ke-10 boleh menjejaskan urusan pentadbiran Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab membayar segala imbuhan kepada Datuk Kelana, termasuk elaun bulanan kira-kira \$6,000 dan sebuah kenderaan rasmi, tambah sumber itu.